

١١- حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ الْقُرَشِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا أَبِي قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو بُرْدَةَ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِي مُوسَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْإِسْلَامِ أَفْضَلُ قَالَ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

11- Sa'id (Abu `Utsman al-Umawi m.249H) bin Yahya (Abu Sa'id m.194H) bin Sa'id al-Qurasyi meriwayatkan kepada kami, katanya: Ayahku meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Burdah (Buraid ) bin `Abdillah bin Abi Burdah (`Aamir / Haarits bin Abi Musa al-Asy`ari r.a.) meriwayatkan kepada kami daripada Abi Burdah (m.103 / 104H) daripada Abi Musa (al-Asy`ari `Abdullah bin Qais r.a. m.44H), katanya: "Mereka (para sahabat) pernah bertanya: "Wahai Rasulullah! (Orang) Islam yang macam manakah yang lebih baik?" Jawab Baginda s.a.w.: "Orang yang orang-orang Islam lain terpelihara daripada (gangguan / kejahatan) lidah dan tangannya."¹²⁴

٦- بَابُ إِطْعَامِ الطَّعَامِ مِنَ الْإِسْلَامِ

(6) *Bab: Memberi Makan (Kepada Orang-Orang Yang Lapar Dan Memerlukan Makanan) Adalah Sebahagian Daripada (Pekerti) Islam.*¹²⁵

bersama, maka keduanya boleh bermasuk-masukan." Maksud beliau ialah nisbah tadaakhul boleh berlaku di antara keduanya. (lihat Syabbir Ahmad `Utsmaani- Fathul Mulhim j. 1 hal.428-429).

(5) Islam atau iman boleh bertambah dan berkurang. Ia berkurang dengan adanya sifat-sifat keji dan pekerti-pekerti buruk pada seseorang. Ia bertambah apabila sifat-sifat baik dan pekerti-pekerti mulia ada padanya. Orang yang orang-orang Islam lain terpelihara daripada gangguan atau kejahatan lidah dan tangannya sudah pun dikira sebagai muslim yang sempurna pada suatu tahap iaitu tahap paling asas. Sementara orang yang orang-orang Islam lain tidak terpelihara daripada gangguan atau kejahatan lidah dan tangannya pula mungkin juga seorang muslim, tetapi tentu sekali ia seorang muslim yang kurang dan tidak sempurna. Seorang muslim yang pemurah dan cintakan kedamaian di samping orang-orang Islam lain terpelihara daripada gangguan atau kejahatan lidah dan tangannya, tentulah lebih sempurna dan lebih tinggi imannya daripada seorang muslim yang orang-orang Islam lain hanya terpelihara daripada gangguan atau kejahatan lidah dan tangannya semata-mata. Begitulah seterusnya.

(6) Ia secara tidak langsung menolak fahaman golongan yang menyeleweng seperti Murji`ah, Mu`tazilah dan Khawarij.

¹²⁴ Hadits 11 ini sama saja dengan bahagian pertama hadits 10 sebelumnya. Penjelasan tentangnya telah pun berlalu di bawah hadits 10. Sila lihat nota 116, 117, 118 & 119 di bawah hadits 10 itu.

¹²⁵ Bab 6 yang lalu diadakan Bukhari untuk menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul daripada bab 5 dengan hadits di bawahnya. Kekeliruan bahawa orang yang menyakiti orang-

orang lain, baik dengan lidah atau tangannya sebenarnya bukan seorang muslim. Nabi s.a.w. sendiri menafikan keislamannya melalui sabda Baginda di bawah bab 5 tersebut. Menurut Bukhari, bukan begitu sebenarnya maksud hadits di bawah bab 5 itu. Ia dengan hadits-hadits di bawah bab 6, 7, 8 dan seterusnya lebih bermaksud menyatakan tahap dan peringkat kesempurnaan iman atau Islam seseorang penganut agama Islam. Hadits di bawah bab 5 bermaksud menyatakan orang yang tidak menyakiti orang-orang lain, baik dengan lidah atau tangannya sudah pun sempurna iman atau Islamnya pada suatu tahap. Orang yang menyakiti orang-orang lain pula kurang atau tidak sempurna iman dan Islamnya. Penafian keislaman yang difahami daripada sabda Nabi s.a.w. *الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ* (Orang Islam sebenar ialah orang yang orang-orang Islam lain terpelihara daripada gangguan atau kejahatan lidah dan tangannya) itu jika diterima sekalipun, tidak lebih daripada penggunaan satu metode ilmu Balaghah yang popular, iaitu: *تنزيل الناقص منزلة المعلوم* (mengira sesuatu yang kurang itu sebagai tiada saja). Menerusi bab 6 ini pula Imam Bukhari hendak menyatakan tahap kesempurnaan iman atau Islam yang lebih tinggi lagi daripada yang asas tadi. Apabila seseorang muslim melakukan sesuatu yang bermenafa'at kepada orang lain di samping tidak menyakiti dan membahayakannya, tahap kesempurnaan iman atau Islamnya tentulah lebih tinggi daripada kalau ia hanya tidak menyakiti dan membahayakannya semata-mata. Tahap ini oleh sesetengah 'ulama' hadits dipanggil tahap *مواصلة* iaitu suatu tahap di mana seseorang bersifat dengan sifat murah, suka menolong, baik hati dan bersimpati terhadap orang lain serta mengambil berat tentangnya. Menerusi bab 7 iaitu *باب من الإيمان أن يحب لأخيه ما يحب لنفسه* (Bab: Sikap Seseorang Yang Suka Untuk Saudaranya Apa Yang Ia Suka Untuk Dirinya Adalah Sebahagian Daripada Iman), Bukhari menyatakan tahap kesempurnaan iman dan Islam seseorang yang lebih tinggi lagi daripada yang tersebut di dalam bab 6 sebelumnya. Muslim pada tahap ini suka kalau saudara seagamanya mendapat apa yang ia sendiri suka mendapatnya. Tahap ini dipanggil tahap *مساواة* iaitu suatu tahap di mana seseorang mahukan kebaikan untuk saudara seagamanya seperti ia mahu untuk dirinya sendiri. Tahap yang lebih tinggi dan hebat lagi daripada yang tersebut di dalam bab 7 ialah yang dikemukakan oleh Bukhari menerusi bab 8 iaitu *باب حب الرسول صلى الله عليه وسلم من الإيمان* (bab cintakan Rasulullah s.a.w. adalah sebahagian daripada iman). Muslim yang berada pada tahap ini menyayangi orang lain melebihi dirinya sendiri. Orang yang dikehendaki seseorang muslim menyintainya melebihi anak dan ayahnya, malah dirinya sendiri tidak lain dan tidak bukan adalah Rasulullah s.a.w. Tahap ini dipanggil tahap *ايتار* iaitu suatu tahap di mana seseorang lebih mengutamakan orang lain daripada dirinya sendiri. Tahap kesempurnaan iman dan Islam seseorang yang lebih tinggi lagi dari itu ialah yang disebut Bukhari menerusi bab 10, iaitu *باب علامة الإيمان حب الأنصار* (Bab: Tanda Iman Ialah Cintakan Anshaar). Muslim yang benar-benar menyintai Rasulullah s.a.w. bukan sahaja akan menyintai Baginda, ia juga akan menyintai orang-orang yang menyintai Baginda dan membelanya. Mereka ialah golongan Anshaar. Demikianlah tahap-tahap kesempurnaan iman dan Islam seseorang muslim. Kesempurnaan iman dan Islam seseorang manusia itu adalah suatu yang nisbi. Ia disusun dengan begitu rapi dan cukup indah oleh Imam Bukhari menerusi tajuk-tajuk bab yang dibuatnya. Maka da'waan benar-benar cintakan seseorang tidak seharusnya diterima mentah-mentah. Ia semestinya menguasai beberapa tahap dan peringkat yang tersebut di atas. Anda sendiri dapat menguji tahap cinta dan sayang anda kepada seseorang dengan mengguna pakai qaedah tersebut. Anda baru boleh dikatakan benar-benar menyintainya apabila berjaya menguasai tahap-tahap berikut: (1) Orang yang dicintai

١٢- حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ خَالِدٍ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ يَزِيدَ عَنْ أَبِي الْخَيْرِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ

النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْإِسْلَامِ خَيْرٌ قَالَ تُطْعِمُ الطَّعَامَ وَتَقْرَأُ السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ

12- `Amru bin Khalid (bin Farrukh m.229H) meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits (bin Sa`ad m.175H) meriwayatkan kepada kami daripada Yazid (Abi Rajaa' bin Abi Habib m.128H) daripada Abi al-Khair (Martsad bin `Abdillah al-Yazini m.90H) daripada `Abdillah bin `Amar (bin al-`Aash r.a. m.75H), bahawa ada seorang lelaki¹²⁶ telah bertanya kepada Nabi s.a.w., katanya: "Apakah (pekerti / amalan) Islam yang paling baik?"¹²⁷ Nabi s.a.w. bersabda: Memberi makan (kepada orang-orang yang lapar dan

dan disayangi anda terpelihara daripada kejahatan lidah dan tangan anda. (2) Anda sentiasa membantu, menolong dan mahukan kebajikan. (3) Anda berasa suka dan gembira orang yang dicintai dan disayangi anda mendapat apa yang anda sendiri suka dan gembira kalau mendapatnya. (4) Anda menyintainya melebihi diri anda sendiri dan apa saja yang disayangi anda. (5) Anda bukan sahaja menyintai dan menyayangnya, malah menyintai dan menyayangi juga orang-orang yang menyintai dan menyayangnya. Kalau begitu, maksud susunan bab yang dibuat Bukhari untuk menyatakan tahap-tahap kesempurnaan iman dan Islam seseorang bermula dari bab 5 hingga bab 10 dapat diringkaskan seperti berikut: (1) Tahap pertama atau tahap asas. Ia bermula apabila anda dengan apa cara sekalipun tidak menyakiti orang lain. (2) Tahap kedua. Di samping menguasai tahap pertama, anda juga berguna kepada orang lain. (3) Tahap ketiga. Orang yang berada pada tahap ini meletakkan orang lain pada kedudukan dirinya sendiri. Artinya ialah ia mengambil berat tentang orang lain sama seperti ia mengambil berat tentang dirinya sendiri. (4) Tahap keempat. Muslim yang berada pada tahap ini akan mengutamakan orang lain dan menyintainya melebihi dirinya sendiri. (5) Tahap kelima atau tahap kemuncak. Pada tahap ini ia bukan sekadar mengutamakan orang lain dan menyintainya melebihi dirinya sendiri, malah ia juga turut menyintai orang-orang yang dicintainya. **Menurut nuskah al-Ashili, bukan من الإسلام** yang tersebut di sini tetapi من الإيمان. Kalau begitu, terjemahan tajuk bab ini akan jadi begini: Bab: Memberi Makan (Kepada Orang-Orang Yang Lapar Dan Memerlukan Makanan) Adalah Sebahagian Daripada Iman.

¹²⁶ Para `ulama' berbeza pendapat tentang lelaki yang tidak disebut namanya ini. Kata Hafiz Ibnu Hajar, Saya tidak tahu (dengan pasti) siapa namanya. Sesetengah `ulama' berpendapat lelaki berkenaan ialah Abu Zarr. Berdasarkan riwayat Ibnu Hibbaan, lelaki berkenaan ialah Haani' bin Yazid, iaitu ayah kepada Syuraih. (lihat Fathul Baari j.1 m/s 249).

¹²⁷ Jika diteliti pertanyaan para sahabat kepada Nabi s.a.w. berhubung dengan amalan dan pekerti Islam yang terbaik atau lebih baik, paling utama atau paling disukai Allah, kita akan dapati pada umumnya ia berkisar di sekitar perkataan-perkataan أفضل, خير atau أحب إلى الله. Sebagai contohnya pertanyaan di dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ini. Di dalamnya Nabi s.a.w. ditanya begini: أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ (Apakah amalan yang paling afdhal?). Jawab Baginda s.a.w. إِيْمَانٌ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ قِيلَ ثُمَّ مَاذَا قَالَ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قِيلَ ثُمَّ مَاذَا قَالَ حَجٌّ مَرْزُورٌ. Bermaksud: Beriman kepada Allah dan RasulNya. Nabi s.a.w. ditanya lagi: "Kemudian apa?" Jawab Baginda:

“Berjihad di jalan Allah.” Nabi s.a.w. terus ditanya: “Kemudian apa?” Jawab Baginda s.a.w.: “Haji yang mabrur (yang diterima Allah).” (Hadits riwayat al-Bukhari). Pertanyaan yang menggunakan perkataan خير misalnya dapat anda lihat di dalam hadits 12 yang sedang kita bicarakan sekarang. Sahabat bertanya: أي الإسلام خير (Apakah amalan atau pekerti Islam yang terbaik?). Jawab Nabi s.a.w.: مَنْ عَرَفْتُمْ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفُوا Bermaksud: “Memberi makan (kepada orang-orang yang lapar dan memerlukan makanan) dan memberi salam sama ada kepada orang yang telah engkau kenali atau belum.” Pertanyaan yang menggunakan ungkapan أحب إلى الله (paling disukai Allah) pula misalnya, terdapat di dalam hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas’ud. Beliau sendiri bertanya Rasulullah s.a.w. begini: أَيُّ الْعَمَلِ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ Jawab Baginda: الصَّلَاةُ عَلَى وَفْيِهَا قَالَ ثُمَّ أَيٌّ قَالَ ثُمَّ بَرُّ الْوَالِدَيْنِ قَالَ ثُمَّ أَيٌّ قَالَ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ Bermaksud: bersembahyang pada waktunya. Beliau (Ibnu Mas’ud) bertanya pula: “Kemudian apa?” Jawab Baginda: “Kemudian berbuat baik kepada dua ibu bapa.” Beliau (Ibnu Mas’ud) bertanya lagi: “Kemudian apa?” Jawab Baginda: “Berjihad di jalan Allah.” (Hadits riwayat al-Bukhari). Soalnya kenapakah Nabi s.a.w. memberi jawapan yang berbeza-beza kepada soalan-soalan yang dikemukakan menggunakan perkataan-perkataan tadi, padahal kesemuanya memberi erti yang lebih kurang sama jua? Segolongan ‘ulama’ telah membuat penelitian khusus terhadap persoalan ini. Mereka mendapati perkataan-perkataan itu sebenarnya tidak sama. Masing-masing daripadanya mempunyai ciri-ciri khusus yang membezakan satu dari yang lain. Sebagai hasilnya beberapa qaedah umum telah diperolehi. (1) Perkataan أفضل bertanyakan tentang amalan yang mencabar, sukar dan agak berat untuk dilaksanakan, tetapi pahalanya lumayan. Beriman kepada Allah dan RasulNya, berjihad di jalan Allah dan haji yang mabrur adalah antara contoh yang disebut nabi di dalam hadits di atas. Bukankah ia merupakan amalan-amalan yang cukup mencabar, sukar dan agak berat untuk dilaksanakan? (2) Perkataan خير bertanyakan tentang amalan yang paling berfaedah kepada orang lain atau yang paling berguna kepada masyarakat, di samping mendatangkan pahala kepada pelakunya. Memberi makan kepada yang memerlukan dan memberi jaminan keamanan dan keselamatan kepada orang ramai, tentulah merupakan perkara yang paling berfaedah dan paling berguna dalam masyarakat. Ia sememangnya amalan yang mendatangkan pahala. (3) Ungkapan أحب إلى الله pula bertanyakan tentang amalan yang disukai Allah kerana ia menyatakan sifat ta’at, tunduk, patuh dan setia, selain menzahirkan sifat kehambaan, pengorbanan dan penghargaan terhadap sekian banyak jasa atau ni’mat yang telah diberikan. Semua yang tersebut ini jelas kelihatan pada orang-orang yang bersembahyang pada waktunya, berbuat baik kepada dua ibu bapanya dan berjihad di jalan Allah. Amalan berjihad di jalan Allah yang disebut Nabi s.a.w. sebagai jawapan di dalam kedua-dua hadits yang menggunakan pertanyaan dengan أفضل dan أحب إلى الله misalnya, tentu mempunyai ciri-ciri kedua-duanya. Sebab itulah ia dikemukakan dalam jawapan bagi pertanyaan أفضل dan أحب إلى الله. Begitulah juga harus diterima untuk amalan-amalan yang lain. **Jawapan yang berbeza-beza oleh Rasulullah s.a.w.** kepada soalan-soalan yang lebih kurang sama juga mungkin disebabkan beberapa perkara atau keadaan berikut: (1) Keperluan orang-orang yang bertanya itu berbeza-beza. Orang yang bertanya itu misalnya mempunyai ibu bapa yang perlu diuruskan kehidupannya, maka amalan yang paling utama dilakukannya ialah berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Kalau dia seorang yang jahil, maka belajarlah amalan yang paling afdhal untuk dirinya. Mungkin juga orang yang bertanya kurang mengambil berat tentang keselamatan orang lain, pada ketika itu wajar sekali Rasulullah s.a.w. menjawab seperti di dalam hadits di atas. (2)

Kecenderungan, minat atau kebolehan dan kelayakan orang-orang yang bertanya berbeza-beza. Kepada seorang yang berani dan gagah perkasa, berjihadlah amalan yang paling baik dilakukannya. Kepada yang kaya raya pula, memberi makan kepada orang-orang yang memerlukan atau menyumbang harta benda di jalan Allahlah yang paling utama dibuatnya. (3) Masa atau tempat dikemukakan soalan mungkin tidak sama. Ketika perang atau negara diancam musuh, jihadlah amalan terbaik. Dalam masyarakat yang miskin dan susah pula, bersedekah adalah amalan yang paling afdhal. (4) Soalan difahami Nabi s.a.w. sebagai berkaitan dengan bahagian amalan yang tertentu, seperti yang berkaitan dengan tubuh badan semata-mata atau akhlaq dan budi pekerti semata-mata atau lain-lain lagi. Puasa misalnya adalah amalan yang paling baik dan paling berkesan dalam mendidik jiwa manusia. Ia merupakan satu amalan yang dapat menghiasi diri manusia dengan pekerti-pekerti yang luhur. (5) Jawapan Nabi s.a.w. bahawa amalan tertentu adalah paling baik dan utama mungkin juga mengambil kira anggota yang mengamalkan sesuatu amalan. Beriman kepada Allah dan rasul misalnya adalah sebaik-baik amalan hati. Bersedekah adalah amalan paling afdhal berkait dengan harta benda. Zikrullah adalah amalan lidah yang paling afdhal. Sembahyang pula misalnya adalah amalan yang melibatkan semua anggota badan yang paling utama dan paling istimewa. (6) Jawapan Nabi s.a.w. juga mungkin mengambil kira sudut pahala yang akan diperolehi seseorang. Bersembahyang fardhu yang lima pada waktu-waktu afdhalnya merupakan amalan yang paling besar pahalanya. Berterusan melakukan sesuatu amalan, walaupun dalam kadar yang sedikit tetap mendatangkan pahala yang banyak. Kerana itu ia adalah satu tabi'at dan kebiasaan yang paling disukai Allah. (7) Jawapan Nabi s.a.w. adakalanya mengambil kira tahap dan kedudukan sesuatu amalan pada pandangan agama. Sembahyang lima waktu misalnya adalah sesuatu yang difardhukan ke atas setiap orang Islam (fardhu 'ain). Ia mempunyai kelebihan yang sangat banyak. Kedudukannya di sisi agama pula sangat tinggi. Dalam senarai rukun Islam ia merupakan yang kedua selepas syahadah. Berbuat baik kepada kedua ibu bapa pula adalah satu kewajipan dan salah satu bentuk kesyukuran yang diperintahkan oleh Allah di dalam al-Qur'an selepas diperintahkan manusia supaya mereka mensyukuriNya. Lihatlah firman Allah ini:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهَذَا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفَصَّلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ ﴿١٤﴾

Bermaksud: dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga ke akhir menyusunnya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (kamu untuk menerima balasan). (Luqman:14). Berjihad untuk menegakkan ugama Allah walaupun merupakan salah satu kewajipan umat Islam dan ia adalah satu amalan yang sangat tinggi kedudukannya di sisi agama, tetapi ia tidak wajib setiap masa. Kerana itulah kedudukannya terletak selepas bersembahyang pada waktunya dan berbuat baik kepada dua ibu bapa. Hakikat ini terbukti juga menerusi satu hadits yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash, kata beliau: فَاسْتَأْذَنَهُ فِي الْجِهَادِ فَقَالَ: جاء رجلٌ إلى النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَأْذَنَهُ فِي الْجِهَادِ فَقَالَ: أَخِي وَالِدَاكَ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَفِيهِمَا فَجَاهِدْ Bermaksud: Pernah Nabi s.a.w. didatangi seorang lelaki. Dia meminta izin kepada Baginda untuk keluar berjihad. Nabi s.a.w. bertanya (dia): “Adakah kedua ibu bapamu masih hidup?” Jawab lelaki itu: “Ya.” Maka bersabdalah Baginda: “Untuk mereka berdualah engkau berjihad (berkhidmat terlebih dahulu). (Hadits riwayat Bukhari, Muslim,

memerlukan makanan)¹²⁸ dan memberi salam sama ada kepada orang yang telah engkau kenali atau belum.”¹²⁹

Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Tirmizi, Baihaqi, Thabaraani dan lain-lain). (8) Menurut Imam Thahaawi, amalan yang paling afdhal, paling baik dan paling disukai Allah bukan satu sahaja. Di bawahnya boleh termasuk sekian banyak afraad. Perkataan-perkataan ini bagaikan kulliyyaat yang terdapat di bawahnya beberapa afraad. Kerana itu tidak salah kalau Baginda s.a.w. memberikan jawapan-jawapan yang berbeza kepada soalan yang sama atau lebih kurang sama. (9) Mungkin juga shighah tafdhil yang digunakan di sini tidak dipakai dengan ma'na asalnya. Ia hanya menunjukkan kepada kelebihan sahaja tanpa membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain. (10) Ada juga 'ulama' berpendapat bahawa perkataan من telah dibuang sebelum perkataan أحب أو أفضل atau خير dan sebagainya. Walaupun dibuang ia dikira seperti ada juga. Maka jawapan Rasulullah s.a.w. di dalam hadits Abi Umaamah ini: مَنْ أَفْضَلُ الْعَمَلِ أَوْ الْأَعْمَالِ أَنْ تُلَازِمَ الصَّوْمَ (antara amalan yang paling afdhal ialah engkau selalu berpuasa).

¹²⁸ 'Memberi makan' disebut Rasulullah s.a.w. secara mutlaq tanpa sebarang qaid. Tujuannya ialah mengumumkan mafhumnya. Ia dengan itu merangkumi: (1) memberi makan kepada semua pihak, sama ada yang dikenali atau tidak, keluarga atau bukan keluarga, keluarga yang dekat atau yang jauh, sama bangsa atau tidak dan lain-lain. (2) semua jenis makanan, sama ada sedap atau tidak, sedikit atau banyak, mahal atau murah dan sebagainya. (3) memberi makan sehingga kenyang atau sekadar mengambil rasa sahaja. (4) makanan panas atau sejuk, berat atau ringan. (5) segala jenis makanan dan minuman. Di dalam al-Qur'an perkataan طَعِمَ يُطْعَمُ bukan digunakan untuk makan sahaja, tetapi digunakan juga untuk minum. Allah s.w.t. berfirman: وَمَنْ لَمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُ مِنِّي Bermaksud: ...dan sesiapa yang tidak meminum airnya maka sesungguhnya dia adalah pengikutku... (al-Baqarah:249). (6) memberi makan secara beramai-ramai dengan mengadakan kenduri dan sebagainya atau memberi makan kepada individu tertentu. (7) memberi makan kepada binatang ternakan atau binatang peliharaan.

¹²⁹ Setiap bangsa yang bertamaddun mempunyai ucapan selamat dan sapaan tertentu antara sesama mereka ketika bertemu. Islam juga mempunyai ucapan selamatnya yang tersendiri. Setiap muslim dianjurkan agar menyapa satu sama lain dengan ucapan سَلَامٌ عَلَيْكُمْ atau السَّلَامُ عَلَيْكُمْ. Orang yang disapa dengan ucapan salam seperti itu diwajibkan menjawab dengan berkata: وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ. Antara keistimewaan dan kelebihan ucapan salam berbanding ucapan-ucapan selamat atau tabik-tabik hormat yang lain ialah kerana sebab-sebab berikut: (1) Ia merupakan ucapan selamat yang diguna oleh Allah sendiri. Lihat misalnya firman Allah ini:

سَلَامٌ قَوْلًا مِّن رَّبِّ رَحِيمٍ ﴿٢٠﴾

Bermaksud: (kepada mereka dikatakan): “Salam”, sebagai ucapan selamat dari Tuhan yang Maha Penyayang. (Yaasin: 58). Maksud ucapan selamat oleh Allah kepada seseorang ialah memuji dan memuliakannya.

(2) Ia adalah ucapan selamat yang digunakan oleh para malaikat dan para nabi a.s. Lihat sebagai contohnya firman Allah dan sabda-sabda Rasulullah s.a.w. di bawah ini:

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ ضَيْفِ إِبْرَاهِيمَ الْمُكْرَمِ ﴿١٠﴾ إِذْ دَخَلُوا عَلَيْهِ فَقَالُوا سَلَامًا قَالَ سَلَامٌ قَوْمٌ مُّنْكَرُونَ ﴿١١﴾